

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
Education for Development (NICE 2nd 2019)
ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ

LAKARAN SERENTETAN MAKNA AWALAN *te(R)-* dan *me(N)-*
DALAM BAHASA MELAYU
(*A Sketch of a Series of Meanings of the Prefixes te(R)-
and me(N)- in Malay*)

Manavavee Mamah

Universiti Yala Rajabhat (YRU), Thailand

Dr. Sato Hirobumi @ Rahmat

Universiti Malaya (UM), Malaysia & Universiti Yala Rajabhat (YRU), Thailand

ABSTRAK

Salah satu ciri bahasa Melayu terdapat dalam penggunaan kata terbitan yang dihasilkan bersama imbuhan yang membawa pelbagai makna. Hal ini ditekankan dalam sukatan pembelajaran bahasa Melayu sejak peringkat sekolah di negara-negara rantau Melayu. Namun, penutur jati, pada hakikatnya, tidak mempunyai kesedaran untuk membezakan kata dasar dari kata terbitan berimbuhan dalam kegiatan berbahasa sehari-hari. Malahan, mereka, pada dasarnya, tidak mepedulikan fenomena yang berkaitan dengan proses penerbitan kata, sehingga mereka menggunakannya secara natural. Di peringkat universiti, bidang kajian yang berkaitan dengan proses pengimbuhan itu diperkenalkan dengan nama baharu, iaitu kajian morfologi. Kajian morfologi zaman sekarang mengetepikan soal kesinambungan makna imbuhan, dan pensyarah asyik memperhatikan rumus proses penerbitan kata yang dihipotesiskan secara teknikal. Bagaimana pun, kaedah kajian yang demikian tidak memuaskan pelajar asing, termasuk kebanyakan daripada pelajar Thailand yang mengenal dialek Patani sahaja. Pelajar asing sebenarnya ingin mengetahui hubungan kait (perlawanan) makna antara satu imbuhan dengan imbuhan yang lain untuk menghidupkan dan menikmati penggunaan kata terbitan bahasa Melayu secara realistik. Kertas kerja ini melakarkan hubungan kait makna antara awalan *te(R)-* dengan awalan *me(N)-* dalam bentuk gambaran imaginasi.

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
**The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
 Education for Development (NICE 2nd 2019)**
 ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ

Kesinambungan segala makna awalan *te(R)-* dapat dilihat dari sudut “kepalingan”, manakala makna awalan *me(N)-* pula dapat dilihat dari sudut “kelangsungan” secara bersahaja pada paksi koordinat dua dimensi.

Kata kunci: kata terbitan berimbuhan, kesinambungan makna imbuhan, proses penerbitan kata, sudut pandangan.

ABSTRACT

*One of the characteristics of the Malay (Indonesian) language is the use of derivatives produced with affixes that carry various meanings. This is emphasized in the learning syllabus of Malay since the school level in the Malay-speaking countries. However, native speakers of Malay, in fact, have no awareness to distinguish the root words from the affixed-derivatives in everyday language activities. They do not pay any attention basically to the phenomena that are related to the word-deriving process, so that they use them naturally. At the university level, the field of study related to the process of affixation is introduced with a new name, i.e. morphology. Today's morphological study sets aside the consideration on the continuity of the meanings of affixes, and the lecturers are eager to engage in the formulas for the word-deriving process that are technically hypothesized. However, such methods of study do not satisfy foreign students, including the majority of Thai students who know the dialect of Patani only. Foreign students are keen to know the relationship (opposition) between one affix and the others for realizing and enjoying the use of derivatives of Malay realistically. This paper sketches the relationship of the meanings between the prefix *te(R)-* with the prefix *me(N)-* in the form of imagination. The continuity of all the meanings of the prefixes *te(R)-* can be seen from the "superlative" point of view, while the meaning of prefix *me(N)-* can be seen simply from the "durative" point of view at the two-dimensional coordinate axis.*

Keywords: *affixed derivatives, continuity of the meanings of affixes, process of word derivation, point of view.*

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
**The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
 Education for Development (NICE 2nd 2019)**
ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ

PENDAHULUAN

Pertama-tama, ingin kami tekankan bahawa kajian ini ditujukan kepada guru bahasa Melayu dan bahasa Indonesia yang bertanggung-jawab atas pengajaran bahasa ini kepada orang tempatan di negara-negara rantau Melayu atau kepada orang asing yang mengkhususkan diri dalam kajian bahasa ini di pusat pengajian tinggi di negara masing-masing.

Salah satu ciri bahasa Melayu terdapat dalam penggunaan kata terbitan yang dihasilkan bersama imbuhan yang membawa pelbagai makna. Makna tiap-tiap imbuhan ini sudah lama dikaji secara terperinci oleh pengkaji-pengkaji dari Belanda dan Inggeris sejak abad ke-19, dan hasil kajian lanjutan mereka diumumkan secara terbuka di negara-negara rantau Melayu sejak tahun 1950-an hingga zaman sekarang. Bahasa Melayu dan bahasa Indonesia tentu sahaja memperlihatkan perbezaan dalam penggunaan imbuhan, dan hal inilah mencirikan kedua-dua dialek standard yang pada dasarnya mempunyai banyak persamaan linguistik.

Penutur jati, pada hakikatnya, tidak mempedulikan fenomena yang berkaitan dengan proses penerbitan kata, tetapi mereka mampu menggunakannya secara natural. Pada pihak yang lain, sesetengah pelajar asing (terutama pelajar yang mengkhususkan diri dalam linguistik Melayu) sebenarnya tidak berpuas hati dengan cara penghuraian proses penerbitan kata yang diperkenalkan dalam buku tatabahasa yang sedia ada, dan ingin mengetahui apakah hubung kait (perlawanan) makna antara satu imbuhan dengan imbuhan yang lain untuk menikmati penggunaan kata terbitan bahasa Melayu secara realistik.

Kajian ini cuba melakarkan hubung kait makna imbuhan dalam bentuk gambaran imaginasi, dengan meneliti awalan te(R)- dengan awalan me(N)- pada permulaan kajian tema ini. Kesinambungan serentetan makna awalan te(R)- akan dapat dilihat dari sudut “kepalingan”, manakala makna awalan me(N)- (yang juga mempunyai bentuk berpesona) pula akan dapat dilihat dari sudut “kelangsungan” secara bersahaja pada paksi koordinat dua dimensi. Contoh kata terbitan berimbuhan yang diperkenalkan di sini akan memperlihatkan sedikit sebanyak ciri bahasa Melayu dan bahasa Indonesia.

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
**The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
 Education for Development (NICE 2nd 2019)**
 ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ

MASALAH KAJIAN

Tiap-tiap imbuhan bahasa Melayu yang mempunyai makna masing-masing sudah lama dikaji secara berasingan sejak abad ke-19. Namun, karya tatabahasa yang dihasilkan di negara-negara rantau Melayu dari pertengahan abad ke-20 hingga awal abad ke-21 ini barangkali dapat dikatakan tidak memperlihatkan apa-apa perkembangan kajian, dibandingkan dengan hasil kajian zaman dahulu. Sekurang-kurangnya pengkaji-pengkaji yang bukan penutur jati bahasa Melayu tidak berpuas hati dengan hasil kajian yang demikian.

Mereka menginginkan kajian yang mendedahkan hubung kait makna antara kata-kata terbitan yang diterbitkan dari satu kata dasar yang sama tetapi yang menggunakan imbuhan-imbuhan yang berbeza-beza. Hubung kait makna kata terbitan yang demikian sepatutnya dikaji dari sudut “hubung kait bersilang”. Imbuhan yang berkaitan dengan penerbitan kata kerja (KKj) atau kata adjektif (KAdj), pada dasarnya, dapat dilihat dalam hubung kait bersilang antara tiap-tiap imbuhan *be(R)-*, *ke-/-an*, *me(N)-* dan *te(R)-*, seperti yang disimpulkan dalam Rajah 1:

be(R)-	ke-/-an
me(N)-	te(R)-

Rajah 1

Keempat-empat imbuhan ini masih dapat memperlihatkan pelbagai variasinya, misalnya, bersama

awalan *pe(R)-*; akhiran *-an*, *-kan*, *-i*; apitan *ke-/-i*, *pe(R)-/i* dan *pe(R)-/-kan*. Kombinasinya banyak tetapi terbatas dalam bahasa Melayu yang hidup. Hubung kait bersilang antara imbuhan-imbuhan dapat dicontohkan seperti yang di bawah:

Satu hubung kait (perlawanan) makna antara kata terbitan berawalan *be(R)-* dengan kata terbitan berawalan *me(N)-* dapat dilihat dalam ayat [1] dan [2] yang mengisahkan adegan Rajah 2 secara visual:

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
Education for Development (NICE 2nd 2019)
ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ



Rajah 2 berbagi kuih & memba(ha)gikan kuih-muih

- [1] Dua orang budak ini **berbagi** kuih-muih. (berbagi = berkongsi)
- [2] Seorang pemuda **membra(ha)gikan** bungkusan kuih kepada kanak-kanak.

Begitu juga satu hubung kait (perlawanan) makna antara kata terbitan berawalan *be(R)-* dengan kata terbitan berapitan *ke-an* dapat dilihat dalam ayat [3] dan [4] yang mengisahkan adegan Rajah 3 secara visual:



Rajah 3 berhujan(-hujan) & kehujanan

- [3] Budak-budak **berhujan(-hujan)** di ladang kelapa.
- [4] Dua orang adik-beradik **kehujanan** sewaktu pulang dari sekolah.

Satu hubung kait (perlawanan) makna antara kata terbitan berawalan *be(R)-* dengan kata terbitan berawalan *te(R)-* dapat dilihat dalam ayat [5] dan [6] yang mengisahkan adegan Rajah 4 secara visual:

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
 The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
 Education for Development (NICE 2nd 2019)
 ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ



Rajah 4 bercermin & tercermin

- [5] Heidi sedang **bercermin** di arus sungai di pegunungan Alpin.
 [6] Sehat jasmani dan rohani **tercermin** dari kebersihan dan kerapihan diri pribadi maupun lingkungan kerja.

Satu hubung kait (perlawanan) makna antara kata terbitan berawalan apitan *ke-an* dengan kata terbitan berawalan *me(N)-* dapat dilihat dalam ayat [7] dan [8] yang mengisahkan adegan Rajah 5 secara visual:



Rajah 5 kebanjiran & membanjiri

- [7] Jalan raya **kebanjiran** akibat hujan lebat yang bermula sejak tengah hari tadi.
 [8] Warga kota **membanjiri** bangunan kantor pemerintah.

Satu hubung kait (perlawanan) makna antara kata terbitan berawalan apitan *ke-an* dengan kata terbitan berawalan *te(R)-* dapat dilihat dalam ayat [9] dan [10] yang mengisahkan adegan Rajah 6 secara visual:

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
 The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
 Education for Development (NICE 2nd 2019)
 ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ



Rajah 6 kedinginan & terdingin

[9] Keluarga monyet yang **kedinginan** sedang berendam di dalam air panas gunung.

[10] Inilah tempat **terdingin** di bumi, suhunya tembus **minus 71 derajat Celsius**.

Pembaca yang arif tentu sudah dapat menikmati perbezaan makna antara tiap-tiap pasangan kata terbitan berimbuhan yang diterbitkan dari satu kata dasar yang sama: *berbagi* – *memba(ha)gikan*; *berhujan(-hujan)* – *kehujanan*; *bercermin* – *tercermin*; *kebajiran* – *membanjiri*; *kedinginan* – *terdingin*.

Sekarang tinggal contoh dan huraian yang menggambarkan hubung kait (perlawanan) makna antara kata terbitan berawalan *me(N)-* dengan kata terbitan berawalan *te(R)-*. Dua awalan ini telah lama diperhatikan hanya dalam wadah perlawanan ragam kerja sahaja, iaitu aktif *me(N)-* dan pasif *te(R)-* sahaja sejak abad ke-19, dan fokus perbincangannya tidak pernah lari dari sudut pandangan ini.

Hanya segelintir pengkaji menyedari fungsi ragam kerja aktif pada awalan *te(R)-* dalam bahasa Melayu (di Malaysia) yang tidak terdapat dalam bahasa Indonesia. Namun, perlu kita sedari bahawa awalan *me(N)-* yang menerbitkan KKj. intransitif atau KAdj. tidak sepatutnya disamakan dengan awalan *me(N)-* yang menerbitkan KKj. transitif yang juga berfungsi untuk menghasilkan bentuk berpesona atau bentuk konjugasi. Makna yang diungkapkan oleh awalan *te(R)-* juga adalah pelbagai dan sukar dipadukan ke dalam satu wadah yang sama, iaitu (i) tak sengaja, (ii) sudah selesai, (iii) keupayaan luar biasa, dan

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
**The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
 Education for Development (NICE 2nd 2019)**
 ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ

(iv) perbuatan sia-sia, (v) paling”, dan (vi) sifat mempunyai/sifat menjadi (Asmah, 2009:114-115, 135-136).

Sato (1983, 2006) telah mengemukakan satu gambaran hubung kait (perlawanan) antara kata terbitan berawalan *me(N)-* dengan kata terbitan berawalan *te(R)-* secara ringkas. Kami dalam kajian ini meneliti semula gambaran Sato yang tersebut untuk meyakinkan semua pihak termasuk penutur jati bahasa Melayu/bahasa Indonesia di rantau Melayu ini.

Persoalan:

- 1) Adakah hubung kait (perlawanan) antara awalan *me(N)-* dengan awalan *te(R)-* ?
- 2) Jika ada, apakah hubung kait (perlawanan) yang tersembunyi antara awalan *me(N)-* dengan awalan *te(R)-* ?
- 3) Apakah lakaran imaginasi untuk menggambarkan hubung kait (perlawanan) antara dua imbuhan itu?

PERBNCANGAN

Kata terbitan berawalan *me(N)-* dianggap berfungsi sebagai KKj. intransitif dan KKj. transitif. Ada juga pendapat bahawa awalan *me(N)-* dapat menerbitkan KAdj. Makna awalan *me(N)-* diperincikan oleh pengkaji-pengkaji, dan jumlah perincian maknanya berbeza-beza menurut pengkaji. Begitu juga kata terbitan berawalan *te(R)-* berfungsi sebagai pelbagai golongan kata, tetapi perincian makna awalan ini tidak begitu berbeza antara pengkaji.

Kajian imbuhan bagi pendidikan bahasa Melayu sudah bermula dari karya Hollander (1845, edisi pertama). Setiap pengkaji memperlihatkan cara persembahan masing-masing, tetapi kajian yang memperhatikan hubung kait bersilang antara imbuhan tidak banyak. Jika ada pun, boleh dikatakan bahawa pengkaji yang bukan penutur jati sahaja berminat pada hubung kait bersilang itu.

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
**The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
 Education for Development (NICE 2nd 2019)**
 ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ

ANALISIS (I):Awalan *me(N)*- yang menerbitkan KKj. Intransitif

Kajia makna awalan *me(N)*- bagi pendidikan bahasa Melayu sudah bermula sejak abad ke-19 dan masih berlangsung dalam pelbagai karya yang diterbitkan hingga awal abad ke-21. Perincian maknanya berbeza-beza sedikit sebanyak menurut cara persembahan pengkaji masing-masing. Namun, kepelbagaian makna *me(N)*- itu sebaiknya dan dapat disimpulkan seperti yang terdapat dalam Sasaki (1978: 74-75):

(a) Perubahan sifat yang dinyatakan dalam kata dasar:

- *membesar* (< besar), *mengecil* (< kecil), *mendalam* (< dalam), *meluas* (< luas), *menjauh* (< jauh), *mendekat* (< dekat), *menguning* (< kuning), *membuta* (< buta), *memekak* (< pekak), *membisu* (< bisu).

(b) Menjadi suatu keadaan yang dinyatakan dalam kata dasar:

- *menjadi* (< jadi), *meledak* (< ledak), *melekat* (< lekat), *mengalir* (< alir).

(c) Menuju ke tempat yang dinyatakan dalam kata dasar:

- *menyeberang* (< seberang), *melaut* (< laut), *mendarat* (< darat), *mengudara* (< udara), *menepi* (< tepi), *meminggir* (< pinggir).

(d) Menjadi sesuatu yang dinyatakan dalam kata dasar:


- *membanjir* (< banjir), *menghujan* (< hujan), *menggunung* (< gunung), *menguap* (< uap) = *mengewap* (< wap), *mendarah daging* (< darah daging), *mendunia* (< dunia), *membudaya* (< budaya), *menggejala* (< gejala).

(e) Mencapai waktu yang dinyatakan dalam kata dasar:

- *menujuh* (< tujuh) = *menujuh bulan*, *menujuh hari*.

Hasil analisis (a) – (e) yang tersebut masih dapat diparafrasakan lagi kepada ungkapan bahawa subjek ayat mengalami “perubahan”, “peralihan” atau “persenyawaan” **secara duratif** melalui awalan *me(N)*-. Maksudnya, subjek ayat menuju ke sesuatu arah yang dinyatakan dalam kata dasar. Rajah 7 telah diubah suai, berdasarkan Sasaki (1978:75):

Proses "perubahan/peralihan/persenyawaan"




Rajah 7

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
 The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
 Education for Development (NICE 2nd 2019)
 ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ




Rajah 8



Rajah 9

- [11] Tiga ekor monyet ini berlagak **membuta, memekak, dan membisu**.
 [12] Pahalanya terus **mengalir** tak terbatas umur.
 [13] Betulkah ungkapan “Pesawat udara telah **mendarat** di laut” ?
 [14] Peluru pun **menghujan** datangnya.
 [15] Kemudian pada hari ketiga orang **meniga hari**. Sudah itu **menujuh hari** dan **menyeratus hari**. Ada yang kadang-kadang sampai terpaksa ber-hutang.



Rajah 10

tinggi & meninggi

- [16] Gunung berapi ini tinggi, setinggi 3,000 meter.
 [17] Kepulan asap gunung berapi ini semakin meninggi ke udara.

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
**The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
 Education for Development (NICE 2nd 2019)**
 ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ

Rajah 10 dengan jelas menunjukkan perbezaan makna antara kata dasar tinggi yang menandai satu titik yang tertentu dengan kata terbitan berawalan meninggi yang menyifatkan proses “kelangsungan” (durative) yang bermula dari sudut pandangan lambang α (lihat Rajah 7).

ANALISIS (II): Awalan me(N)- yang menerbitkan KKj. Transitif

Awalan me(N)- yang berfungsi untuk menerbitkan KKj. transitif disalahertikan sebagai penanda ragam kerja aktif dalam mana-mana buku tatabahasa sejak zaman dahulu. Analisis ini tidak melihat struktur sintaksis ayat yang melibatkan KKj.berawalan me(N)- dengan tepat kerana awalan me(N)- ini hanya menandai FN yang bertindak di sebelah kiri KKj. itu sebagai unsur agen sahaja jika disusun dalam susunan [FN Agen + KKj. me(N)- + FN Pasien]:

- [18] (a) Petani ini melemparkan sulaman isterinya ke lantai. (Ayat aktif dasar)
 (b) Sulaman isterinya *melemparkan petani ini ke lantai. (Ayat ini salah)
 (c) Sulaman isterinya dilemparkan petani ini ke lantai. (Ayat aktif songsang)
 (d) Dilemparkan petani ini (akan) sulaman isterinya ke lantai. (Ayat aktif terbitan)

Padahal, bahasa Jerman, misalnya, membenarkan ayat aktif songsang tanpa mengubah bentuk KKj. aktif walaupun disusun dalam susuan ayat aktif [FN Pasien + KKj. aktif + FN Agen]:

- [19] (a) Dieser Bauer schleuderte die Stickerei seiner Frau zu Boden. (Ayat aktif dasar)
 (= Petani ini melemparkan sulaman isterinya ke lantai)
 (b) Die Stickerei seiner Frau schleuderte dieser Bauer zu Boden. (Ayat aktif songsang)
 (= Sulaman isterinya *melemparkan petani ini ke lantai)

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
**The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
 Education for Development (NICE 2nd 2019)**
 ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ

Maksudnya, soal ragam kerja yang tercermin dalam KKj. berawalan me(N)- / di- / bentuk berpesona itu dapat diertikan dari sudut pandangan aktif kerana ketiga-tiga bentuk morfologis KKj. ini ditentukan bukan oleh unsur pasien tetapi oleh unsur agen sahaja dari segi tatabahasa dalam bahasa Melayu. Ophuijsen (1915:122 dan seterusnya; 1915:204 dan seterusnya) memberi keterangan bahawa awalan bahasa Melayu di- melahirkan kata ganti diri ketiga dia, iaitu dia < di-. Keterangan ini bertentangan dengan banyak pendapat bahawa awalan bahasa Melayu di- merupakan singkatan kata ganti diri ketiga dia, iaitu dia > di-. Hal ini tidak dapat diselesaikan dalam sekelip mata, dan perlu dikaji dengan membandingkan pelbagai bahasa yang dikatakan diturunkan dari bahasa Austronesia. Juga perlu dicatatkan bahawa istilah “kata ganti diri ketiga” itu tidak boleh dicampuradukkan dengan istilah “pihak ketiga” (Hal ini disebut oleh Sasaki dalam pelbagai kesempatan).

Terdapat juga ayat aktif yang memperlihatkan gabungan KKj. bantu dengan KKj. bentuk berpesona. Contoh yang berikut membawa makna aktif:

[a] Aku sudah berkali-kali menasihati-nya supaya jangan meniplak karya orang.

= Ia sudah berkali-kali ku-nasihati supaya jangan meniplak karya orang.

[b] Mengapa Gadis Pantai mau kau-bunuh? (Perhatikan siapa yang berkemahuan)

(Inggeris: Why did you want to kill Gadis Pantai?)


(Belanda: Waarom wilde je Gadis Pantai vermoorden?)

(Jerman: Warum wolltest du Gadis Pantai?)

Menurut Sasaki (1978: 75), sistem proses yang digambarkan dalam Rajah 7 (yang menghuraikan KKj. intransitif me(N)-) dapat diaplikasikan kepada Rajah 11 (yang menghuraikan KKj. transitif me(N)- / di- / bentuk berpesona), dengan menukarkan lambang α dan β kepada agen dan pasien masing-masing. Dengan demikian, ketiga-tiga bentuk KKj. ini dapat diertikan sebagai menyifatkan proses “kelangsungan” (durative) yang bermula dari sudut pandangan lambang α :

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
 The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
 Education for Development (NICE 2nd 2019)
 ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ

Proses "perbuatan"



Rajah 11



Rajah 12

- [20] Dua ekor arnab **menaiki** tangga menuju ke bulan.
 [21] Cukai pendapatan yang tinggi semakin **memberatkan** kehidupan rakyat.

[22] Barang berat ini dapat **diangkat**-nya dengan mudah.



Rajah 13

memberatkan; mengangkat & diangkatnya

ANALISIS (III): Kepelbagaian Makna Awalan te(R)-

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
**The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
 Education for Development (NICE 2nd 2019)**
 ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ

Kajian makna awalan te(R)- diteruskan berdasarkan makna “pasif” yang dinilai sebagai makna asas awalan ini sejak Hollander (1882: 102-106). Namun, bahasa Melayu, seperti dikatakan Hollander sendiri, mempunyai fungsi “aktif” juga dalam penggunaan kata terbitan berawalan te(R)- sejak zaman klasik.

Antara karya-karya zaman sekarang, Asmah (2009: 145-147) tidak menyentuh soal ragam kerja yang terkandung dalam awalan te(R)-, seolah-olah beliau mengatakan hal ini sudah biasa pada bahasa Melayu (di Malaysia) yang memperlihatkan kedua-dua fungsi ragam kerja aktif dan pasif dalam satu awalan ini. Namun, perlu diperhatikan bahawa hal ini merupakan fenomena tatabahasa yang menarik kerana bahasa Indonesia, pada dasarnya, tidak membenarkan fungsi aktif pada awalan te(R)- ini. Kekecualiannya kata-kata seperti teringat dan terlupa. Kajian ragam kerja ini rupa-rupanya lebih menarik perhatian pengkaji yang bukan penutur jati bahasa Melayu daripada penutur jati (lihat Chung, 2011).

Kata terbitan berawalan te(R)- memperlihatkan pelbagai fungsi tatabahasa dari KKj. transitif hingga kata adverbial, sejak zaman klasik hingga zaman sekarang. Antara karya-karya pengkaji Belanda dan pengkaji Inggeris yang terbit pada abad ke-19 dan awal abad ke-20, Winstedt (1913: 85-88) merupakan karya yang memberi keterangan yang jelas, dengan menatap inti makna awalan te(R)- yang kiranya tidak dipedulikan dalam mana-mana karya tatabahasa yang diterbitkan di rantau Melayu dalam tempoh dari tahun 1950-an hingga awal abad ke-21 ini. Huraian Winstedt yang berikut (ibid) dipetik dengan mengekalkan catatan bahasa yang asli:

§52. This prefix has been held (properly of its primary sense) to form the passive voice, though there are exceptions. (...) that te(r)- cannot be described with absolute correctness as a passive formative.

§53. (1) The prefix te(r)- denotes the perfect act, the realization condition.

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
**The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
 Education for Development (NICE 2nd 2019)**
 ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ

(2) It emphasizes not a process in which an agent takes part but a result --- absolutely complete, sometimes sudden and due not to conscious activity on the part of the subject but to external compulsion or accident.

(3) Seeing that in denoting the perfect act, the derivative in te(r)- connotes ability to bring it about, te(r)- has come to be used to denote the possible (or more commonly with the help of a negative, impossible).

(4) Denoting completion beyond which one cannot go, te(r)- derivatives connote the superlative in degree and serve as intensatives. In this connection te(r)- is prefixed to nouns, adjectives, and adverbs, as well as verbs. (...) Derivatives in te(r)- preceded by the auxiliaries boleh, dapat able to, would appear to have the meaning indicated in this section and not that of (3) supra:


Keempat-empat hasil analisis no. (1) – no. (4) terhadap kata terbitan berawalan te(R)- kini terdapat dalam banyak karya tatabahasa yang diterbitkan dalam rantau dan juga di luar rantau Melayu. Hanya Asmah (2009: 145-147) yang menghuraikan KKj. telah mengetepikan makna “kepalangan”, “kesangatan”, dan “kemungkinan” dalam bahasa Melayu (di Malaysia), tetapi menyebut makna “perbuatan sia-sia” yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu. Namun, huraian makna yang tersebut terdapat dalam Asmah (2009, bahagian Kata Sifat: makna “paling” dan makna “sifat mempunyai” serta “sifat menjadi”).

Kami memperhatikan huraian Winstedt no. (4) yang tersebut kerana sudut pandangan “Denoting completion beyond which one cannot go, te(r)- derivatives connote the superlative in degree and serve as intensatives” itu dihubung-kaitkan secara logik dengan segala makna awalan te(R)- yang bermula dari “pasif” menuju ke “selesai”, “tidak sengaja”, “keupayaan”, “kemungkinan”, “kesangatan” hingga “sia-sia”, yang kesemuanya berlawanan dengan makna awalan me(N)- “kelangsungan” (durative).

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
**The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
 Education for Development (NICE 2nd 2019)**
 ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ

ANALISIS (IV): Makna Awalan te(R)-: “satu titik kepalingan yang tercapai”

Huraian no. (4) yang tersebut mengimajinasikan satu gambaran seperti yang diberikan pada Rajah 10 (sebelah kanan), iaitu gambaran sebuah bola yang dibalingkan ke atas. Bola boleh juga dibalingkan ke mana-mana arah, kiri kanan dan atas bawah, dalam koordinat dua dimensi.



Rajah 14

tinggi, meninggi & tertinggi


Lakaran (sebelah kiri) dalam Rajah 14 menunjukkan satu titik tinggi-rendah sahaja, manakala lakaran (sebelah kanan) pula menunjukkan bola yang semakin meninggi itu mencapai tiap-tiap titik melalui jalan orbit yang melengkung. Maksudnya, makna kata terbitan berawalan me(N)- dapat dilakarkan dalam gambaran imajinasi “kelangsungan” yang dilihat dari sudut titik 0 (kosong).

Apabila sudah tercapai satu titik yang tertinggi yang tidak dapat dilampaui lagi, iaitu “Denoting completion beyond which one cannot go”, makna kata terbitan berawalan te(R)- ini dapat dilakarkan dalam gambaran imajinasi “kepalingan” yang dilihat dari sudut titik tertinggi. Dengan serentakannya, titik tertinggi itu juga merangkap satu titik yang tercapai, iaitu titik “selesai”-nya sesuatu perbuatan.

Apabila dilihat dari sudut titik kepalingan ini, perbuatan ini membawa makna “pasif” yang tidak mementingkan kehadiran agen. Namun, jika kehadiran agen hendak dinyatakan untuk memenuhi maksud penutur, maksud itu dapat dilengkapi dengan frasa

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
**The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
 Education for Development (NICE 2nd 2019)**
 ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ

preposisi [oleh + agen]. Maksudnya, makna dua awalan *me(N)-* dan *te(R)-* perlu dibedakan berdasarkan dua sudut pandangan yang berlain-lainan.



Rajah 15

meninggi/mencapai & tertinggi/tercapai

Seterusnya, apabila satu titik kepalangan itu akhirnya tercapai atau tidak tercapai, kata terbitan berawalan *te(R)-* juga membawa makna “kemungkinan” dan/atau “keupayaan” yang menjadi kenyataan, tanpa atau bersama kata nafi.




Rajah 16

kuangkat, tidak terangkat & terangkat

Makna “tidak sengaja” dan “luar dugaan” juga dapat dilakarkan dalam Rajah 17. Jika sesuatu hal terjadi di tengah perjalanan bola di luar dugaan, kejadian ini merupakan sesuatu yang tidak terancang dan tidak terduga. Begitu juga makna “kesangatan” berhubung kait dengan keadaan, kejadian atau perbuatan yang melampaui titik kepalangan yang diandaikan.

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
 The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
 Education for Development (NICE 2nd 2019)
 ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ



Rajah 17

- [23] Negara itu mencatatkan inflasi **tertinggi** yang sebesar 0,59% pada tahun ini.
- [24] Sudah **terbukti** bahawa matlamat kita telah **tercapai** dalam persaingan ini.
- [25] Kuda penarik gerobak ini **terangkat** kerana muatannya **terlalu** berat.
- [26] Diangkat kapal feri yang karam ini tapi **tidak terangkat**.
- [27] **Terkejar-kejar** para atlet pada Usain Bolt, tetapi **tidak terkejar** juga.
- [28] **Terlaju**, Usain Bolt berlari dengan **terlampau** laju.



Rajah 18




terkejar-kejar & terlampau laju

Makna “perbuatan sia-sia” yang diperkenalkan oleh Asmah (1982:115) merupakan ciri khas bahasa Melayu (di Malaysia) yang tidak terdapat dalam bahasa Indonesia. Makna ini juga berhubung kait dengan makna “kepalingan” yang dijadikan asas makna awalan te(R)-. Maksudnya, walaupun sesuatu perbuatan dijalankan dengan upaya dan usaha yang sebesar-besarnya (kepalingan) untuk mencapai sesuatu tujuan, tetapi

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
 The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
 Education for Development (NICE 2nd 2019)
 ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ

sasaran perbuatan yang dikehendaki itu ada kalanya bertindak memperlihatkan
 keupayaan yang tidak terduga sehingga melahirkan ayat yang membawa makna negatif.
 Makna “perbuatan sia-sia” terlahir dari keadaan yang demikian.

Lakaran serentetan makna awalan te(R)- yang difikirkan secara logik telah dicantumkan
 dalam Rajah 15, dengan makna “kepalingan” dijadikan makna asas awalan ini.
 Maksudnya, makna “pasif” itu tidak perlu dianggap sebagai makna primer bagi awalan
 te(R)-.



Rajah 19

Segala makna awalan te(R)

KESIMPULAN

Kajian ini meneliti makna imbuhan bahasa Melayu, khususnya makna awalan
 me(N)- dan te(R)- secara perbandingan. Dalam hal ini kaedah visual ditekankan untuk
 pendidikan bahasa ini kepada pelajar asing. Kajian imbuhan bahasa Melayu telah
 bermula sejak abad ke-19 dan diteruskan hingga zaman sekarang. Namun, minat dan
 sudut pandangan pengkaji yang bukan penutur jati bahasa Melayu tidak selari dengan
 pengkaji penutur jati bahasa ini.

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
**The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
 Education for Development (NICE 2nd 2019)**
 ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ

Awalan me(N)- dapat dibahagikan kepada 2 jenis, iaitu KKj. intransitif me(N)- dan KKj. transitif me(N)- yang juga mempunyai bentuk berpesona. Kedua-dua awalan ini membawa makna “kelangsungan” (durative) yang sebaiknya diertikan dari sudut pandangan 0 (kosong) pada paksi koordinat dua dimensi.

Makna awalan te(R)- pula sebaiknya dilihat dari sudut pandangan titik “kepalingan” (superlative) pada paksi koordinat dua dimensi. Dengan cara yang demikian, kajian makna te(R)- bermula dari titik kepalingan yang tidak dapat dilampaui menuju ke arah makna “pasif” yang tidak mementingkan kehadiran agen, yang berlawanan dengan makna aktif me(N)-. Titik kepalingan ini menandai makna “selesai” yang tercapai.

Setersunya, makna “kemungkinan” dan/atau “keupayaan” juga berhubung kait dengan sudut kepalingan. Makna “tidak sengaja” dan “luar dugaan” juga dapat diertikan dalam proses perjalanan ini. Sesuatu hal juga dapat terjadi dengan melampaui titik kepalingan yang dijangkakan. Ialah makna “kesangatan”. Sebaliknya, makna “perbuatan sia-sia” terlahir apabila sesuatu perbuatan dijalankan dengan upaya dan usaha yang sebesar-besarnya (kepalingan) untuk sesuatu tujuan, tetapi sasaran perbuatan yang berkaitan itu bertindak memperlihatkan keupayaan yang tidak terduga sehingga melahirkan ayat yang membawa makna negatif. Demikianlah segala makna awalan te(R)- yang disenaraikan sejak kajian bermula pada abad ke-19 saling berhubung kait secara teratur. Penghuraian yang seperti inilah yang kiranya diharapkan oleh sebahagian pelajar yang bukan penutur jati dalam kajian tatabahasa bahasa Melayu.

BIBLIOGRAFI

Alisjahbana, S. Takdir, (1978) “Awalan BER- dan ME-”, dlm. *Dari Perjuangan dan Pertumbuhan Bahasa Indonesia*, hlm. 131-146. Jakarta: P.T. Dian Rakyat.
 Makalah ini telah diterbitkan dalam majalah *Pembinaan Bahasa Indonesia*, Nop.-Des. 1949-1950.

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
**The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
 Education for Development (NICE 2nd 2019)**
 ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ

- Angelbeek, C. van, (1823) *Maleische Spraakkunst van G.H. Werndlij*, herzien en uitgegeven op last van de Hooge Regering van Nederlandsch Indië. Batavia: Ter Lands Drukkerij.
- Asmah Hj Omar, (1982) *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- , (2009) *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chung, Siaw-Fong, (2011) “Uses of ter- in Malay: A Corpus-based Study”, in *Journal of Pragmatics* 43, pp.799-813. <https://www.sciencedirect.com/journal/journal-of-pragmatics/vol/43>. 01 January 2019.
- Hollander, J.J. de., (1882) *Handleiding bij de Beoefening der Maleische Taal en Letterkunde*. 5de druk Breda: Koninklijke Akademie voor de Zee- en Landmacht.
- Marsden, William, (1812) *A Dictionary and Grammar of the Malayan Language*. London: Longman.
- Ophuijsen, Ch.A. van, (1910) *Maleische Spraakkunst*. Leiden: S.C. Van Doesburgh.
- , (1915) *Maleische Spraakkunst*. 2de druk. Leiden: S.C. Van Doesburgh.
- Sasaki, Shigetsugu, (1978) “The Meaning of BER- and ME- Verb Opposition in the Indonesian Verb System (Part II)”, in *Area and Culture Studies* 28, pp.74-92. Tokyo: Tokyo University of Foreign Studies, Japan.
- , (2014) **インドネシア語の中庭・文法編 (改版)** *Sanggar Bahasa Indonesia, Bagian Tata Bahasa* (edisi baru). Japan: Grup Sanggar.
- Sarasoegonda, Koewatin, (1910) *Kitab Jang Menjatakan Djalannja Bahasa Melajoe*. Semarang: G.C.T. van Dorp.
- Sato, Hirobumi @ Rahmat, (1983) *The Affixes in Indonesian/Malay*. Academic Exercise written in Japanese. Tokyo University of Foreign Studies, Japan.
- , (2006) “Gambaran Kesinambungan Makna dalam Awalan *me(N)-* dan *te(R)-*”, dlm. *Jurnal Bahasa* 10 (Julai – Disember), hlm. 1-8. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

การประชุมวิชาการระดับชาติและนานาชาติด้านอิสลามศึกษาและการศึกษาเพื่อการพัฒนาครั้งที่ 2
The 2nd National and International Conference on Islamic Education and
Education for Development (NICE 2nd 2019)
ภายใต้โครงการพัฒนานักศึกษาด้านการทำวิจัยและเผยแพร่ผลงานวิชาการ

Werndlij, George Hendrik, (1736) *Maleische Spraakkunst*. Amsterdam: R. en G. Wetstein.

Windtedt, R.O., (1913) *Malay Grammar*. Oxford: the Clarendon Press.

Wouk, Fay, (1980) "The *ter-* Prefix in Indonesian: A Semantic Analysis". Kertas kerja persidangan.